Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Faedah Menyimpan Wang

pakaian	perubatan	berjimat-cermat	asas
hadapan	menggunakan	universiti	
perbelanjaan	tabung	meringankan	

Menyimpan wang adalah menjimatkan wang (1) _____ kita. Kita boleh menyimpan wang di dalam (2) _____ atau di bank.

Kita memperoleh banyak faedah apabila menyimpan wang. Wang simpanan dapat (3) _____ beban ibu bapa. Kita boleh membeli alat tulis seperti pensel, pemadam dan pembaris melalui wang simpanan yang kita ada.

Selain itu, kita boleh menggunakan wang simpanan untuk memenuhi keperluan (4) _____. Antara keperluan asas kita adalah makanan dan (5) _____.

Di samping itu, kita boleh (6) _____ wang simpanan untuk hal-hal kecemasan. Contohnya, kita boleh menggunakan wang ini untuk perbelanjaan (7) _____.

Seterusnya, wang simpanan kita boleh digunakan untuk perbelanjaan melanjutkan pelajaran ke (8) _____. Kita tidak perlu terlalu mengharapkan bantuan kewangan daripada ibu bapa.

Kita mesti menyimpan wang untuk kebaikan kita pada masa (9) _____. Kita perlu mengamalkan sikap (10) _____ agar tidak susah di kemudian hari.

Disediakan oleh :
Cikgu Suzilawati binti Sukimin
SK. Tun Dr Ismail